

16 NOV 1996

Proton

PROTON MELABUR TUJUH JUTA POUND DALAM LOTUS

Oleh: Wan A. Hulaimi

NORWICH, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan batu asas bagi kemudahan kejuruteraan Proton berharga tujuh juta pound sterling di kilang pengeluaran kereta Lotus hari ini, menandakan era baru kerjasama cemerlang di antara industri kereta nasional dan pengeluar utama dunia kereta sports itu.

Proton membeli majoriti 80 peratus saham dalam Lotus pada 13 Okt dengan 51 juta pound memberikan syarikat yang berjaya tetapi menghadapi masalah kewangan itu peransang yang diperlukan untuk kemajuannya pada masa depan.

Dr Mahathir tiba di sini dengan helikopter pada kira-kira pukul 10.15 pagi. Ketibaannya disambut dengan sebuah Lotus Esprit berwarna kuning yang kemudiannya dipandu uji oleh beliau.

Semasa lawatannya ke kilang itu, beliau dibawa melihat sebuah kereta Proton Satria yang dibawa ke sini untuk ujian.

Beliau diberitahu oleh para pegawai Lotus bahawa mereka menguji kereta itu bagi menentukan kekuatan dan kelemahannya.

Mereka memberitahu Dr Mahathir bahawa mereka kagum dengan Proton kerana walaupun ada beberapa kelemahan dalam pembuatannya perbezaan kekuatannya dengan Lotus tidaklah besar.

Pembelian Lotus oleh syarikat kereta nasional Malaysia disiarkan pada muka depan akhbar tempatan Eastern Daily Press hari ini yang memberikan keyakinan bahawa ia akan menjadikan kilang Lotus di Hethel dekat sini sebagai satu pusat kecemerlangan baru.

"Lotus Boost" demikian tajuk yang diberikan di muka depan akhbar tabloid itu yang menyiarkan berita berkenaan untuk edisi Sabtu.

Selepas pembelian saham terbesar itu, Proton segera menyuntik 13 juta pound ke dalam Lotus sebagai modal kerja yang bukan hanya menjimatkan beribu-ribu pekerjaan di sini tetapi juga menjadikan kilang Hethel plant batu aras bagi Proton dan universiti kejuruteraan motor dunia.

Pelaburan Proton selanjutnya dalam Lotus seperti yang diumumkan Dr Mahathir bukan sahaja memberikan pengeluar kereta Malaysia pusat projeknya sendiri tetapi juga akan memperkukuhkan lagi ikrar Proton untuk menghormati kerahsiaan pelanggan dalam Kumpulan Lotus yang disusun semula.

Lotus, yang namanya telah lama dikaitkan dengan kecemerlangan kereta sports memperolehi sebahagian besar pendapatannya daripada projek-projek kejuruteraan bagi pengeluaran kereta lain.

Pusat baru Proton itu di sini akan disokong oleh 150 jurutera dan juruteknik di kemudahan kejuruteraan dan rekabentuknya dengan bantuan kejuruteraan rekabentuk yang terkini.

Seorang jurucakap Lotus berkata ia akan merupakan sebuah pusat yang benar-benar baru yang akan siap dalam masa tujuh bulan.

Bagi Lotus, Proton menjanjikan pembesaran dalam pengeluarannya dan jenis produk yang dikeluarkan.

Proton akan membesarkan jenis produk dan membangunkan kemudahan kejuruteraan syarikat itu terutama dari segi penyelidikan dan pembangunan.

"Peletakan batu asas itu menandakan peringkat pertama program pembesaran itu," menurut satu kenyataan akhbar Lotus di sini.

Proton juga mengumumkan hari ini bahawa ia berhasrat untuk merintis strategi baru pendidikan bagi mengeluarkan graduan berpengalaman untuk memenuhi permintaan buruh mahir yang sentiasa meningkat.

"Dalam masa terdekat, Proton bersama Lotus akan bekerjasama dengan institut akademi terkemuka bagi memperkenalkan ijazah kejuruteraan dan

mengeluarkan graduan dengan pengalaman praktikal dalam bidang kenderaan motor," kata Tan Sri Yahaya Ahmad, pengerusi Proton dan Lotus.

"Pagi ini kumpulan syarikat Malaysia tidak berlengah lagi memenuhi janjinya untuk menjadikan Hethel tanda aras pengeluarannya dan univeristi dunia bagi kejuruteraan motor," menurut Eastern Daily Press yang menyambut baik langkah itu.

Dr Mahathir turut menanam sebatang pokok di tapak kilang Hethel sempena peristiwa bersejarah itu. -- BERNAMA

WAH RON